

UBAT TITIS MATA DORZOLAMIDE

A. APAKAH KEGUNAAN UBAT INI?

- ✚ Merawat penyakit glaukoma



B. BAGAIMANA UBAT INI BERTINDAK?

- ✚ Ubat ini bertindak dengan mengurangkan tekanan di dalam mata

C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?

A. CARA MENGGUNAKANNYA

- ✚ Cuci tangan, dongakkan kepala dan lihat ke atas.
- ✚ Tarik kelopak mata ke bawah dengan lembut dan titiskan satu titisan ubat ke dalam mata.
- ✚ Biarkan kelopak mata tertutup (~30 saat) dan tekan lembut hujung tepi bahagian dalam kelopak bawah mata dengan jari (~1 minit)
- ✚ Tunggu 5-10 minit jika perlu menggunakan lebih daripada satu titisan ubat atau perlu menggunakan ubat titis mata jenis yang lain
- ✚ Simpan ubat dalam bekas asal pada suhu bilik (23°C - 27°C), jauh dari haba, kelembapan dan cahaya matahari.
- ✚ Jangan simpan ubat di dalam peti sejuk kecuali jika diarahkan oleh pengilang.
- ✚ Jauhkan daripada kanak-kanak.
- ✚ Ubat titis mata tidak boleh digunakan melebihi tempoh masa 4 minggu selepas botol ubat dibuka. Catatkan tarikh buka botol untuk rujukan.



B. JIKA TERLUPA

- ✚ Ambil dos yang terlupa sebaik sahaja teringat TETAPI abaikan dos tersebut jika telah hampir masa untuk dos seterusnya.
- ✚ Jangan gandakan dos ubat untuk menggantikan dos yang terlupa

D. PERINGATAN !!!



C. BAGAIMANAKAH ANDA PERLU MENYIMPAN UBAT INI?

➤ SEBELUM MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- ✚ Mempunyai sejarah alahan/alergi kepada ubat ini

➤ SEMASA MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- ✚ Mengalami kesan sampingan yang berlarutan
- ✚ Mengalami alahan/alergi kepada ubat ini
- ✚ Ubat titis mata tidak boleh dikongsi dengan orang lain
- ✚ Ubat ini mungkin boleh memudaratkan bayi didalam kandungan.
- ✚ Ibu-ibu yang menyusukan anak tidak disarankan menggunakan ubat ini.
- ✚ Mengalami alahan/alergi kepada ubat ini



AMARAN !!

**SEKIRANYA
TANDA-
TANDA INI
BERLARUTAN
SILA
RUJUK
DOKTOR**

E. KESAN SAMPING UBAT

✚ Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:

- ✓ Rasa hangat atau sengat selepas menggunakan ubat titis mata,
- ✓ Penglihatan yang kabur
- ✓ Mata berair atau kering,
- ✓ Mata peka terhadap cahaya,
- ✓ Rasa pahit dalam mulut.

Rujukan:

- Drugs.com
- rxlist.com
- BNF46 , September 2003
- medicinenet.com/
- netdoctor.co.uk

Sebarang pertanyaan mengenai ubat-ubatan, sila hubungi Jabatan Farmasi, Hospital Universiti Sains
Malaysia. 09-7673000 sambungan:

Unit Farmasi Klinikal dan Maklumat Drug : 3384/3386

Unit Farmasi Pesakit Luar : 3393/3394
